

HARIAN METRO – KHAMIS 26 OKTOBER 2017

Kuala Lumpur

Didikan anak JKM terus terbela

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memastikan kebajikan terhadap kanak-kanak yang dipelihara di institusi kanak-kanak diberi pembelaan sewajarnya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Azizah Mohd Dun berkata, sepanjang kanak-kanak ditempatkan dalam institusi, antara perkhidmatan disediakan adalah pemeliharaan dan perlindungan, pendidikan serta bimbingan dan kaunseling.

“Kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan diantar ke sekolah aliran perdana bagi menjamin mereka mendapat pendidikan formal serta peluang untuk bergaul dengan kanak-kanak lain.

“Kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun menghadiri tadika di luar institusi, manakala kanak-kanak



AZIZAH

di bawah usia empat tahun menghadiri taska di dalam institusi,” katanya.

Beliau menjawab soalan Siti Zailah Mohd Yusoff (PAS-Rantau Panjang) yang ingin tahu langkah diambil bagi membela nasib anak dipelihara di institusi kanak-kanak pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Azizah berkata, kanak-kanak terbabit juga diberikan didikan agama dan moral bagi menjamin pertumbuhan rohani dan akhlak mereka.